

BERITA HARIAN

DATE: 9 / 10 / 2008

Dr Mahathir desak Pak Lah diam

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi perlu 'diam' mulai sekarang hingga Mac tahun depan.

"Diam," jawabnya ringkas ketika ditanya apakah yang perlu dilakukan Abdullah mulai sekarang hingga Mac tahun depan.

Bekas Perdana Menteri itu mengakui dia gembira apabila jangkannya silap bahawa Abdullah tidak akan berundur sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Katanya, beliau terperanjat apabila mendengar pengumuman Abdullah semalam bahawa beliau tidak akan mempertahankan jawatan Presiden Umno dan akan melepaskan teraju kepimpinan negara.

"Saya gembira kerana Umno akan dapat dibina semula," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Dr Mahathir, yang selama ini begitu lantang meminta Abdullah berundur sejak pilihan raya umum 8 Mac lalu, berkata beliau berharap Abdullah tidak akan mengenakan sebarang sekatan dan halangan dalam tempoh peralihan kepimpinan itu.

Menjawab soalan sama ada



SERAMAI 30 wakil badan bukan kerajaan (NGO) Melayu berhimpun secara aman di depan kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana, di Putrajaya semalam meminta Abdullah mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti Mac depan dan menerajui parti hingga 2010.

beliau akan kembali menganggotai Umno selepas Mac tahun depan, Dr Mahathir berkata, beliau akan berbuat demikian dengan syarat mereka yang meninggalkan parti itu bersama beliau, turut diterima semula.

Diminta mengulas mengenai Datuk Seri Najib Razak sebagai pemimpin yang ber-

kemungkinan menjadi Perdana Menteri selepas ini, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tertarik dengan prestasi Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri sekarang kerana sering mengikut nasihat Abdullah dan oleh itu, Najib perlu membuat perubahan apabila mengambil alih teraju kepimpinan

negara kelak.

Mengenai orang yang berkemungkinan menjadi timbalan Najib, Dr Mahathir berkata, ia sepatutnya Tan Sri Muhyiddin Yassin dan pesaing lain yang ada sekarang bagi mengisi jawatan Timbalan Presiden Umno hanyalah 'pak lawak' semata-mata. - Bernama